



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
(MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA)**

Bahagian Kokurikulum dan Kesenian  
Division of Co-Curricular and Arts  
Aras 3, Blok E9, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel. : + 603-8872 1610  
Faks (Fax) : + 603-8872 1608  
Portal : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)  
(Website)

KPM.600-14/1/20 JLD/8 ( 1 )  
18 Januari 2018  
/ Jamadilawal 1439H

Encik Ezani Amir  
Pengarah Urusan  
ESHIA & Associates Sdn. Bhd.  
46-3, Jalan Setiawangsa 11A,  
Taman Setiawangsa,  
54200 Kuala Lumpur.

Tuan,

**KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM KOKURIKULUM BAHASA INGGERIS TOEFL  
YOUNG STUDENTS SERIES – “JUNIOR ENGLISH TOUR” COMMUNITY PROGRAM (JET  
PROGRAM) DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA**

Dengan penuh hormatnya surat tuan bertarikh 5 Januari 2018 tentang perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat berbesar hati dan sentiasa mengalu-alukan kerjasama dan perkongsian pintar bersama pihak agensi kerajaan atau bukan kerajaan dalam usaha membangunkan pendidikan Bahasa Inggeris murid-murid negara ini. Pihak BKK, KPM telah meneliti permohonan penganjuran program yang berkenaan.

3. Sehubungan dengan itu, KPM **tiada halangan menyokong penganjuran Program Kokurikulum Bahasa Inggeris TOEFL Young Student Series – “Junior English Tour” Community Program (JET Program) 2018** sebagai aktiviti peluasan memperkukuhkan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Program berkenaan dilihat dapat memantapkan penguasaan dan pemahaman bahasa Inggeris dalam kalangan murid di samping menjana kreativiti dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) sejajar dengan aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pihak KPM juga amat menggalakkan penyertaan murid untuk mengambil bahagian dalam program tersebut di atas di mana setiap penyertaan dan pencapaian murid akan dianugerah markah kokurikulum.

4. Penganjuran sebarang program/aktiviti di bawah pihak tuan walau bagaimanapun, adalah tertakluk di bawah **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2004 – Ruj. KP(BS)8691/Jld.XVIII/(9) bertarikh 16 September 2004** – Panduan Penglibatan Murid-Murid Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Agensi-Agensi Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Justeru, pihak tuan hendaklah mengambil maklum dan mematuhi peraturan-peraturan berikut (yang berkaitan):

- 4.1 program yang dilaksanakan hendaklah tidak bertentangan dengan semua dasar kerajaan dan dasar KPM;
- 4.2 kebenaran daripada Pengarah JPN dan Pengetua/ Guru Besar hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum mengadakan sebarang program di sekolah atau yang melibatkan penyertaan guru dan murid;



- 4.3 penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 4.4 setiap murid perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa melalui Pengetua dan Guru Besar masing-masing;
- 4.5 pihak penganjur diminta mengadakan langkah berjaga-jaga demi keselamatan dan kebajikan murid-murid sewaktu program berlangsung;
- 4.6 tempat yang dipilih untuk mengadakan program telah dikenalpasti selamat dan bersesuaian dengan program;
- 4.7 guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti dan
- 4.8 tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN dan PPD yang terlibat dengan pelaksanaan program yang dijalankan.

5. Pihak tuan juga adalah dipohon untuk mengemukakan laporan program kepada Bahagian ini dua minggu setelah program selesai untuk tujuan rekod dan rujukan. Status pengiktirafan program akan hanya diberi selepas laporan program diserahkan kepada pihak kami serta memenuhi syara-syarat yang ditetapkan. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon sahaja dan luput selepas **31 Disember 2018**.

Sekian, terima kasih.

**“SEHATI SEJIWA”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“PERPADUAN MELALUI KOKURIKULUM”**

Saya yang menurut perintah,



**(ROZAINUM BINTI AHMAD)**

Pengarah  
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia.

- s.k.
1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)
  2. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri